

1. Juruacara majlis itu membuat _____ sebaik-baik sahaja tetamu kehormat tiba d _____ rangan dewan.

- ☐ A penamaan
- ☐ B pernyataan
- ☐ C penerangan
- ☐ D pengumuman

2. "Jagalah diri kamu baik-baik apabila sudah sampai di _____ nanti," pesan ibu.

- ☐ A ini
- ☐ B itu
- ☐ C sini
- ☐ D sana

3. Mariana dan Ikhwan tidak menghadiri mesyuarat mingguan Persatuan Bulan Sabit Merah kerana _____ menyertai pertandingan bahas peringkat negeri.

- ☐ A dia
- ☐ B kalian
- ☐ C beliau
- ☐ D mereka

4. Beberapa orang penyanyi menghiburkan ribuan pengunjung yang membanjiri _____ tertutup itu.

- ☐ A kantin
- ☐ B padang
- ☐ C stadium
- ☐ D gelanggang

5. "Ke _____ kah peragut itu melarikan diri selepas terjatuh daripada motosikalnya?" tanya Salman kepada Faris.

- ☐ A apa
- ☐ B siapa
- ☐ C mana
- ☐ D mana-mana

6. "Ponteng sekolah bukan sahaja menyalahi peraturan sekolah, malah perbuatan tersebut tidak memberikan _____ kebaikan kepada diri kamu," nasihat Cikgu Abu kepada Farid.

- ☐ A mana-mana
- ☐ B siapa-siapa
- ☐ C apa-apa
- ☐ D apa

7. "Di _____ lah kejadian tembak-menembak antara penjenayah dengan polis berlaku siang tadi," kata Yunus sambil menunjukkan sebuah rumah usang di hadapannya.

- ☐ A ini
- ☐ B itu
- ☐ C sini
- ☐ D situ

8. Beberapa buah keluarga miskin dan berpendapatan rendah telah menerima _____ daripada pihak kerajaan.

☐ A bantuan
☐ B sokongan
☐ C cadangan
☐ D bimbingan

9. Penularan virus COVID-19 menyebabkan beberapa buah syarikat di negeri ini mengalami _____ dan hampir dilsytiharkan muflis.

☐ A kerugian
☐ B kesesatan
☐ C kehilangan
☐ D kemusnahan

10. "Pemuda yang bercakap dengan _____ di hentian bas pada petang semalam itu _____?" tanya Nabiha kepada Priya.

☐ A anda ... mana
☐ B kamu ... siapa
☐ C awak ... mana-mana
☐ D engkau ... siapa-siapa

11. _____ yang dilakukan oleh beberapa orang pengkaji dari Universiti Sains Malaysia itu telah berjaya menemukan vaksin baharu untuk mencegah penyakit selesema burung.

☐ A Gambaran
☐ B Siasatan
☐ C Andalan
☐ D Kajian

12. Surat pemberitahuan larangan membawa telefon bimbit ke sekolah telah pun diedarkan oleh pihak _____ ke seluruh sekolah.

☐ A kementerian pendidikan Malaysia
☐ B kementerian Pendidikan Malaysia
☐ C Kementerian pendidikan Malaysia
☐ D Kementerian Pendidikan Malaysia

13. Negeri Kelantan sangat terkenal dengan _____ makanan tradisionalnya seperti budu dan keropok lekor.

☐ A keenakan
☐ B keindahan
☐ C kehalusan
☐ D keharuman

14. Kota A' Famosa menjadi _____ kemegahan masyarakat di negeri Melaka sejak kejatuhan Portugis pada suatu masa dahulu.

☐ A jejak
☐ B slogan
☐ C lencana
☐ D lambang

15. Kami sekeluarga sering mengunjungi _____ yang terletak di seberang jalan itu ke _____ makanan yang dihidangkannya enak-enak.

☐ A butik
☐ B klinik
☐ C bengkel
☐ D restoran

16. Majalah Dewan Bahasa ini boleh didapati di _____ kedai buku yang berhampiran dengan tempat tinggal kamu.

☐ A mana-mana
☐ B siapa-siapa
☐ C apa-apa
☐ D mana

17. "Usah risau, kami akan menolong kamu sekiranya kamu memerlukan _____ bantuan," kata Hamid dan Johan kepada Gopal.

☐ A sesiapa
☐ B apa-apa
☐ C siapa-siapa
☐ D mana-mana

18. _____ yang diadakan di pekarangan stadium itu bertujuan untuk mendidik orang ramai tentang kepentingan penjagaan kesihatan.

☐ A karnival gaya hidup sihat
☐ B Karnival gaya gidup sihat
☐ C karnival Gaya Hidup Sihat
☐ D Karnival Gaya Hidup Sihat

19. Projek memperlebar _____ di kampung-kampung dapat memberikan kemudahan kepada penduduk untuk membawa hasil pertanian mereka ke bandar.

☐ A jambatan
☐ B longkang
☐ C tebing
☐ D jalan

20. Masalah kecurian yang berlaku sejak akhir-akhir ini telah mengganggu _____ penduduk di kawasan perumahan itu.

☐ A ketenteraman
☐ B kemewahan
☐ C keramahan
☐ D kesopanan